

# Anwar, kerajaan berjaya batal nama

BERITA HARIAN 25 JUL 2025 m/s: 20

## Bekas MB Kedah cabar tindakan LHDN keluar Notis Taksiran Tambahan lebih RM5 juta

Oleh Ahmad Johari Mohd Ali  
ajohari@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan kerajaan semalam berjaya membatalkan nama mereka daripada permohonan semakan kehakiman Datuk Seri Mukhriz Mahathir bagi mencabar tindakan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) mengeluarkan Notis Taksiran Tambahan terhadapnya membatalkan lebih RM5 juta.

Mukhriz, 60, memfailkan permohonan semakan kehakiman pada 20 Disember tahun lalu dengan menamakan Ketua Pegawai Eksekutif atau Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri, Anwar atas kapasiti Menteri Kewangan dan kerajaan sebagai responden pertama hingga ketiga.

Pada prosiding semalam, Hakim Datuk Amarjeet Singh membenarkan permohonan Anwar dan kerajaan untuk membatalkan nama mereka selepas mendengar hujah-jahan Peguam Kanan Persekutuan Irmawati Daud mewakili pemohon dan peguam Syed Afiq Syed Albakri bagi pihak Mukhriz.

Bagaimanapun, Amarjeet menolak permohonan Anwar dan kerajaan untuk memadamkan beberapa perenggan dalam afidavit

Mukhriz yang menyentuh mengenai mereka.

Hakim kemudian menetapkan 16 Disember ini untuk mendinggar permohonan semakan kehakiman itu.



Mukhriz Mahathir

Melalui notis permohonan, Anwar dan kerajaan memohon penamaan mereka dalam semakan kehakiman bertariikh 20 Disember 2024 berserta pernyataan di bawah Aturan 53(2) Kaedah-kaedah Mahkamah 2012 dan afidavit sokongan Mukhriz dibatalkan.

Secara alternatifnya, Anwar dan kerajaan membuat permohonan itu di bawah bidang kuasa tersirat Mahkamah Tinggi.

Mereka membuat permohonan itu dengan alasan prosiding semakan kehakiman berkenaan berbangkit daripada keputusan

LHDN yang dikeluarkan melalui surat bertarikh 27 September tahun lalu kepada Mukhriz.

Ia membatalkan Notis Taksiran Tambahan bagi 2017 berjumlah RM2,558,875.90; bagi 2018 berjumlah RM2,445,004.91; dan 2019 berjumlah RM16,826.37.

### Kebenaran mulakan prosiding

Anwar dan kerajaan selaku pemohon berkata, pada 2 Januari lalu, Mahkamah Tinggi memberi kebenaran kepada Mukhriz memulakan prosiding semakan kehakiman itu bagi perisytiharan notis tambahan berkenaan adalah terbatal, *ultra vires* dan menyalahi undang-undang.

Katanya, penamaan Mukhriz terhadap mereka adalah jelas mengaibkan, remeh atau menyusahkan dan suatu penyalahgunaan proses mahkamah ini.

Amarjeet memberi kebenaran kepada Mukhriz yang juga Presiden PEJUANG untuk memulakan prosiding semakan keha-

kiman selepas mendapati ada isu boleh dibicarakan.

Dalam permohonan berkenaan, Mukhriz yang juga ahli perniagaan memohon perintah membatalkan keputusan responden pertama (Ketua Pegawai Eksekutif atau Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri) mengeluarkan notis taksiran tambahan berkenaan.

Beliau juga memohon perisytiharan, keputusan responden pertama mengenakan penalti terhadapnya di bawah Seksyen 113 (2) Akta Cukai Pendapatan (ACP) 1967 adalah terbatal dan *ultra vires*.

Bekas Menteri Besar Kedah itu juga memohon perisytiharan, responden kedua (Anwar) menggunakan kuasa secara salah dengan menyebabkan LHDN mengeluarkan notis taksiran tambahan dan menggunakan kuasa secara salah dengan menyebabkan ia mengeluarkan sijil di bawah Subseksyen 104(1) Akta Cukai Pendapatan 1967.